

01 AUG 2001

Kembara

DR MAHATHIR LEPASKAN PESERTA KEMBARA MERDEKA 2001

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melepaskan peserta Kembara Merdeka 2001 di Dataran Putrajaya di sini.

Seramai 74 orang termasuk 20 wakil media tempatan yang menaiki kenderaan pacuan empat roda memulakan pengembaraan mereka menjelajahi Semenanjung selama 17 hari.

Tujuan utama pengembaraan itu ialah untuk menyemarakkan semula semangat patriotik rakyat khususnya menjelang sambutan hari Kemerdekaan ke-44 pada 31 Ogos ini.

Menurut kenyataan Kementerian Penerangan, antara aktiviti yang akan dijalankan sepanjang perjalanan ialah menyertai ceramah ketatanegaraan serta menghadiri aktiviti bersama para pemimpin negeri.

Di samping itu, para peserta juga akan mengedar serta memasang bendera Jalur Gemilang pada kenderaan sepanjang laluan yang dikenalpasti.

Menurut kenyataan itu, program itu juga diharap dapat melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni, tolong menolong, bersatu padu serta menghapuskan perasaan curiga mencurigai antara satu dengan yang lain.

Kembara Merdeka 2001 peringkat Semenanjung akan berakhir di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur pada 17 Ogos manakala bagi peringkat Sabah dan Sarawak, ia akan bermula pada 18 Ogos hingga 25 Ogos.

-- BERNAMA

AKT ZS AKD